

KENYATAAN MEDIA

4 MAC 2021

Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)
No. 12, Jalan Tun Hussein,
Precinct 2,
62100 Putrajaya,
Malaysia.
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

EE Challenge 2021 Kembali Dengan Format Baru

Putrajaya, 4 Mac – Suruhanjaya Tenaga (ST) kembali menganjurkan pertandingan Cabaran Kecekapan Tenaga atau lebih dikenali sebagai Energy Efficiency Challenge (EE Challenge) 2021, namun dengan format yang berbeza pada tahun ini, sesuai dengan norma baharu pasca penularan wabak Covid-19.

Tahun ini, pertandingan yang bertujuan untuk membudayakan amalan cekap tenaga (*energy efficient*) di kalangan generasi muda ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang layak mengikuti kategori pertandingan, di mana hasil kerja setiap peserta perlu dihantar secara dalam talian.

Sebanyak empat pertandingan ditawarkan pada tahun ini, dengan butiran seperti berikut:

Jenis Pertandingan	#posterchallenge	#video4challenge	#articlechallenge	#promote2challenge
Keterangan	Pertandingan mereka, melukis dan mewarna poster berkaitan kecekapan tenaga dan keselamatan elektrik dan gas	Pertandingan menghasilkan video berkaitan kecekapan tenaga dan keselamatan elektrik dan gas berdurasi 3-4 minit	Pertandingan menghasilkan artikel/ pendapat/ kertas kajian berkaitan kecekapan tenaga dan keselamatan elektrik dan gas	Pertandingan mereka bentuk video iklan kecekapan tenaga dan keselamatan elektrik dan gas berdurasi 30-120 saat (2 minit)

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

Jenis Pertandingan	#posterchallenge	#video4challenge	#articlechallenge	#promote2challenge
Kategori	<p>Dua (2) kategori:</p> <ul style="list-style-type: none"> • 7–12 tahun • 13–19 tahun 	<p>Dua (2) kategori:</p> <ul style="list-style-type: none"> • 13–19 tahun <ul style="list-style-type: none"> ○ Video Kreatif ○ Video Tular 	<p>Empat (4) kategori:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahasa Malaysia <ul style="list-style-type: none"> ○ 13–19 tahun ○ 20–26 tahun • Bahasa Inggeris <ul style="list-style-type: none"> ○ 13–19 tahun ○ 20–26 tahun 	<p>Satu (1) kategori:</p> <ul style="list-style-type: none"> • 13 tahun ke atas
Tarikh tutup	14 Mei 2021	21 Mei 2021	7 Mei 2021	28 Mei 2021

Dengan hadiah-hadiah menarik yang bernilai lebih RM120,000 disediakan untuk pemenang dalam bentuk tablet dan wang tunai, pertandingan ini juga diharap dapat mendidik dan memupuk budaya kecekapan tenaga di kalangan orang awam serta memberi kesedaran mengenai kepentingan kecekapan tenaga kepada alam sekitar.

Maklumat lanjut mengenai pertandingan ini boleh didapati melalui capaian <https://www.st.gov.my/eechallenge> atau dengan menghubungi urusetia pertandingan di eechallenge@st.gov.my. Beberapa siri taklimat secara melalui aplikasi Microsoft Teams akan turut diadakan mulai 5 Mac ini di capaian <http://bit.do/taklimatEEC2021-5mac>.

EE Challenge merupakan acara tahunan di antara sekolah-sekolah di mana pemenang dinilai melalui kejayaan mengurangkan penggunaan elektrik, kadar pengurangan intensiti tenaga dan bilangan aktiviti kecekapan tenaga yang berjaya dijalankan. Ia dianjurkan buat pertama kalinya pada tahun 2014 untuk sekolah-sekolah menengah di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya. Acara ini kemudian mula dibuka kepada sekolah-sekolah menengah di seluruh Semenanjung pada tahun 2016, dan di Sabah bermula pada 2017. Acara ini bagaimanapun tidak dapat dianjurkan pada tahun 2020 berikutan penularan wabak Covid-19.

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

Selaras dengan kehidupan norma baharu, serta bagi menyokong usaha kerajaan dalam mengekang penularan wabak Covid-19, format pertandingan bagi tahun 2021 telah diubah dengan memfokuskan kepada orang awam dan cabaran-cabaran yang dipertandingkan juga boleh dilakukan di rumah. Ini selaras dengan “tagline” tambahan bagi pertandingan tahun ini iaitu “#stay-at-home-edition”.

*****Tamat*****

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Azrina Mohammad Jais/Zairulliati Mali/Muhammad Harith Safruddin

Unit Promosi dan Hubungan Luar

Tel: 03 8870 8598/013 2183778 (Zairulliati)/018 3822545 (Harith)

Emel: zairulliati@st.gov.my/harith@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.